

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Measat Broadcast Network Systems (Malaysia) Sdn Bhd ('MBNS') merupakan syarikat yang menyediakan perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar melalui jenama "ASTRO".

Hak eksklusif ini telah diberi oleh Kerajaan Malaysia kepada MBNS pada tahun 1997, sebelum Lesen Penyiaran di bawah Akta Penyiaran 1988 MBNS berhijrah ke rejim baru di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98).

Berasaskan prinsip kedudukan "no worse off" semasa penghijrahan Lesen Penyiaran kepada Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan, Kerajaan Malaysia telah mengekalkan hak eksklusif bagi penyiaran melalui satelit sehingga 28 Februari 2017.

MBNS boleh meneruskan perkhidmatan penyiaran TV berbayar menerusi satelit untuk tontonan langsung kepada umum selepas tahun 2017, tetapi bukan secara eksklusif.

Syarikat-syarikat yang lain boleh memohon untuk memberi perkhidmatan penyiaran TV berbayar menerusi satelit selepas 28 Februari 2017.